

Brickfields dibangun sebagai 'Little India'

Malaysiakini.com

April 8, 2010

Brickfields yang terkenal sebagai sebuah kawasan perniagaan kaum India sedang dinaik taraf untuk secara rasmi dijadikan kawasan "Little India".

Apabila siap kelak, kawasan penempatan di pinggir ibu kota ini akan diwarnai dengan kewujudan lebih banyak kedai perniagaan yang akan menjual pelbagai barangan khusus yang bercirikan kebudayaan masyarakat India negara ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk M Saravanan, berkata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membelanjakan kira-kira RM35 juta untuk kerja-kerja menaik taraf yang akan memakan masa selama enam bulan bermula bulan ini.

"Kini kerja-kerja memindah 30 peniaga sedia ada ke tapak sementara sedang dilakukan," katanya di sini hari ini.

Saravan berkata, usaha menjadikan Brickfields sebagai "Little India" adalah sebagai memenuhi hasrat Datuk Seri Najib Tun Razak yang melawat kawasan tersebut sebaik sahaja beliau dilantik sebagai perdana menteri.

Beliau berkata, "Little India" itu dijangka dirasmi Disember ini.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/128657>